



GEMBIRA...sebahagian anggota penguat kuasa DBKL yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang.

670 pekerja DBKL terima anugerah

KUALA LUMPUR: "Saya sayang Kuala Lumpur sebab itu boleh tahan bekerja di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) hingga 28 tahun. Kalau boleh saya mahu berkhidmat sampai saya pencen," kata Pembantu Tadbir, Jabatan Pengurusan Perumahan DBKL, Hamidah Alwee.

Wanita berusia 49 tahun itu ialah seorang daripada 670 kumpulan pertama penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada majlis yang diadakan di Stadium Ti-tiawangsa di sini, semalam.

Majlis itu dirasmikan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ab Hakim Borneo. Turut hadir Ketua Pengarah DBKL, Datuk Salleh Yusoff serta tiga Timbalan Pengarah, Datuk Mohd Amin, Datuk Abd Aziz, Zulkifli Ibrahim dan Normala Malik.

"Walau apapun tohmahan orang, saya tetap anggap DBKL penyumbang kepada pema-

ngunan Kuala Lumpur. Untuk itu, saya sayang untuk tinggalkan DBKL," katanya ketika ditemui selepas menerima anugerah itu.

Turut sependapat, Hassan Abu Bakar, 50, yang berkhidmat sebagai penguat kuasa bahagian trafik, Jabatan Keselamatan dan Penguatkuasaan di Ibu Pejabat DBKL, Jalan Raja Laut.

Menurutnya, berkhidmat di DBKL bak pusat ilmu membolehkannya mengutip pelbagai pengalaman berharga termasuk mengajar erti kerja berpasukan.

"Saya tinggal enam tahun lagi sebelum bersara, tetapi rasa macam baru saja bekerja sebab suasana di sini menyenangkan dengan kawan yang sentiasa sedia membantu.

"Anugerah ini pula adalah yang pertama buat saya dan akan saya jadikan pemangkin untuk bekerja lebih kuat dan bersungguh," katanya.